



27 DEC, 2024

Tarif elektrik kekal bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2025

Harian Metro, Malaysia



Tarif elektrik kekal bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2025

Putrajaya: Kerajaan pada 13 Disember 2024 berse-
tuju supaya kadar rebat dan surc妖 terhadap tarif elektrik berdasarkan me-
kanisme *Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)* yang dikenakan kepada semua pengguna elektrik di Se-
menanjung dikekalkan bermula 1 Januari hingga 30 Jun 2025.

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air dalam satu kenyataan berkata keputusan tiada kenaikan tarif elektrik kepada semua pengguna di Semenanjung bagi tem-
poh berkenaan menunjuk-
kan bahawa kerajaan ko-

mited menjamin keseja-
teraan rakyat dengan me-
mastikan pengguna do-
mestik terus dilindungi melalui pelaksanaan sub-
sidi elektrik secara bersa-
sar.

Secara keseluruhannya, jumlah subsidi elektrik ba-
gi tempoh dari bulan Ja-
nuari hingga Jun 2025 yang akan dibayai oleh kerajaan adalah sebanyak RM2,388 juta.

Kementerian percaya bahwa pelaksanaan sub-
sidi elektrik secara bersa-
sar adalah pendekatan ter-
baik pada masa ini supaya mengurangkan komitmen subsidi kerajaan supaya

peruntukan dapat disalur-
kan dalam pelbagai bentuk bantuan lain kepada ra-
kyat serta membolehkan menambah baik infras-
truktur awam, penjagaan kesihatan serta menyokong sektor pendidikan negara.

Seterusnya, kerajaan pada 13 Disember 2024 tu-
rut bersetuju dengan pe-
netapan kadar purata tarif asas elektrik di Semenanjung bagi Tenaga Nasional Berhad (TNB) di bawah ke-
rangka Incentive Based Regulation (IBR) untuk tempoh Regulatori Keempat (RP4) bermula pada 1 Januari 2025 hingga 31 Di-

seber 2027.

Sehubungan itu, kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga (ST) sedang me-
muktamadkan cadangan jadual tarif baharu yang mencerminkan kos pem-
bekalan elektrik sebenar dan lebih kompetitif selain mengekalkan keseimbangan trilema tenaga dan jadual tarif baharu ini di-
cadang untuk dilaksana-
kan bermula pada 1 Julai 2025 dengan membabit-
kan implikasi kewangan dianggarkan RM3,570 juta yang akan dibayai oleh Kerajaan.

Selain itu, kerajaan terus kekal komited memasti-

kan kebajikan golongan berpendapatan rendah terpelihara melalui Pro-
gram Rebat Elektrik RM40 untuk pengguna elektrik dalam kategori Miskin Te-
gar yang berdaftar dan di-
sahkan dalam Sistem e-Kasih di seluruh Ma-
laysia pada tahun 2025 de-
ngan peruntukan seba-
nyak RM55 juta.

Pengguna yang layak bo-
leh membuat semakan status kelayakan ma-
sing-masing di laman se-
sawang <https://semakan-rebat.petra.gov.my/apps/public/index.php> atau hadir ke kedai utiliti ber-
hampiran. Pengguna juga

boleh melihat jumlah sub-
sidi elektrik yang diberi-
kan oleh kerajaan di dalam bil elektrik bulanan ma-
sing-masing.

Kerajaan berharap pe-
ngekalan tarif elektrik bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2025 ini akan menjamin pemasaran industri supaya memastikan kestabilan harga barang di pasaran di seluruh ne-
gara dan menyokong usa-
ha kerajaan untuk meng-
galakkan pelaburan di Ma-
laysia sekali gus meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat dan merancakkan sektor ekonomi ne-
gara.